



URUSETIA JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN

PEJABAT KETUA PENGARAH KERJA RAYA
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50582 KUALA LUMPUR

Telefon (03) 2610 8888/ 2610 7501
Faks (03) 26926511
Laman Web <http://www.jkr.gov.my>
<http://www.jpak.jkr.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : (24) dlm. JKR.CPAB.800.010/4.04

Tarikh : 21 Ogos, 2017

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

SEPERTI SENARAI EDARAN

Tuan/ Puan,

PENJELASAN BERKENAAN ASET MILIKAN DAN ASET KAWALAN DALAM KONTEKS PENGURUSAN ASET TAK ALIH

Adalah saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita pejabat ini merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Pengurusan Aset Tak Alih (JPPATA) Bil.2/2017 pada 06 Jun 2017 mengenai definisi berkenaan Aset Milikan dan Aset Kawalan dalam konteks Pengurusan Aset Tak Alih.
3. **Aset Milikan** – Aset tak alih milikan penuh Kerajaan Persekutuan yang perlu didaftarkan sebagai Daftar Premis Aset (DPA) di dalam sistem mySPATA. Ianya merangkumi aset di bawah tadbiran terus agensi.
4. **Aset Kawalan** – Aset tak alih milikan Kerajaan Persekutuan yang diuruskan oleh pihak lain seperti badan berkanun, kerajaan negeri atau syarikat konsesi yang mana agensi berkenaan mempunyai kaitan langsung dalam aspek kawalselia atau input kewangan atau urusan pentadbiran terhadap aset tersebut. Aset ini juga boleh didaftarkan dalam sistem mySPATA untuk dipantau oleh Pegawai Pengawal.
5. Antara contoh aset kawalan adalah seperti berikut:-
 - a) Aset lebuhraya yang diuruskan oleh pihak syarikat konsesi di bawah kawalan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).
 - b) Aset milikan kerajaan negeri atau badan berkanun yang beroperasi dengan menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan.
 - c) Badan berkanun yang menggunakan peruntukan sendiri untuk menguruskan aset yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 4001



CERTIFIED TO ISO 14001 :2004
CERT. NO.: ER 0281

Ruj Tuan
Ruj Kami : (24) dlm. JKR.CPAB.800.010/4.04
Tarikh : 21 Ogos , 2017
(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

6. Manakala aset sewaan dan tumpang adalah bukan aset milikan tetapi dikawal dan digunakan oleh agensi. Pendaftaran kedua-dua kategori aset ini (sewa & tumpang) tertakluk kepada polisi agensi, sekiranya pihak Pegawai Pengawal mengarahkan berbuat demikian ianya wajar didaftarkan bagi tujuan kod lokaliti bagi aset alih.

7. Pihak Urusetia berharap agar ulasan di atas dapat menjelaskan perkara yang dibangkitkan dalam mesyuarat yang dirujuk. Maklumbalas pihak tuan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

[**Ir. HJ. MOHD SABRI B. MAT DERIS**]
Pengarah Kejuruteraan
(Pakar Pengurusan Aset)
b.p Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia (KPKR)
Urusetia JPAK

s.k.

1. **Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Pakar)**
2. **Pengarah Kanan**
Cawangan Perancangan Aset Bersepadu (CPAB)
3. **Pengarah**
Bahagian Perundingan Pengurusan Aset (BPPA)
4. **Pengarah**
Cawangan Dasar dan Pengurusan Korporat (CDPK)
5. Fail Pejabat



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: AR 4001



CERTIFIED TO ISO 14001 :2004
CERT. NO.: ER 0281